



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.4 (16)
Tarikh : 21 September, 2017

SIARAN MEDIA

PERINGATAN DAN NASIHAT TENTANG PEMBINAAN RUMAH DENGAN HARGA MAMPU MILIK

Putrajaya - Jabatan Perumahan Negara (JPN) mengambil perhatian serius berkaitan dengan **tawaran pembinaan rumah** oleh syarikat-syarikat swasta dengan harga mampu milik serendah harga promosi RM40,000 dengan tempoh pembinaan dari 6 ke 12 bulan yang kini tular di media sosial dan elektronik. Orang awam dinasihatkan agar memastikan kesahihan skim tawaran oleh syarikat tersebut serta memahami sepenuhnya skim ini terlebih dahulu sebelum membeli rumah idaman mereka. Ini bagi mengelakkan orang awam daripada menjadi mangsa syarikat yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka.

2. JPN ingin menjelaskan bahawa model perniagaan yang menawarkan **skim pembinaan rumah mampu milik oleh syarikat swasta ini** adalah tidak dilesenkan di bawah **Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118) & Peraturan-peraturan** kerana syarikat berkenaan adalah bukan pemaju perumahan dan tidak menjalankan aktiviti pemajuan perumahan sepertimana tafsiran di bawah Akta 118.

3. JPN juga telah membuat laporan polis bagi memastikan perkara tidak disalahfaham oleh orang ramai.

4. Orang awam disaran memberi maklumat dan melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan, JPN sekiranya menemui atau menerima tawaran skim perumahan yang meragukan. Selain itu, bakal pembeli juga boleh menyemak maklumat pemaju dengan melayari laman web Jabatan Perumahan Negara iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau menghubungi Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara di talian: 03 -8891 4355 / 03- 8891 4356.

Jayaselan A/L K.Navaratnam

Ketua Pengarah

Jabatan Perumahan Negara

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Putrajaya

21 September 2017

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my*